

## **Pasaran Dadah dari Perspektif Sosio-Ekonomi Malaysia**

### **Penulis:**

Elaine Yen Nee Oon<sup>1</sup>, Norbani Che Ha<sup>2</sup>,  
Ruzita Jusoh<sup>3</sup>, Mohd Edil Abd Sukor<sup>4</sup>,  
Muzalwana Abdul Talib<sup>5</sup>

### **Email:**

oonelaine@um.edu.my<sup>1</sup>, norbanicheha@um.edu.my<sup>2</sup>,  
geee@um.edu.my<sup>3</sup>, mohdedil@um.edu.my<sup>4</sup>,  
wana\_am@um.edu.my<sup>5</sup>

**Abstrak:** Buku ini adalah hasil daripada penyelidikan yang ditaja oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Tujuan utama buku ini adalah untuk memberi gambaran yang lebih jelas mengenai dimensi sosio-demografi; kompleksiti rantai bekalan dadah; harga, ketulenan dan ketersediaan dadah; serta kos sosial terhadap masyarakat yang dikaitkan dengan penyalahgunaan dan pasaran gelap dadah. Oleh itu, buku ini adalah titik permulaan untuk menelusuri isu penting yang memberi kesan buruk terhadap sosio-ekonomi masyarakat di Malaysia sejak sekian lama.

Karya ilmiah ini dilahirkan atas keperluan untuk memahami dimensi tersembunyi mengenai pasaran dan penyalahgunaan dadah. Penghasilan buku ini adalah penting memandangkan topik pasaran gelap dadah masih belum dikaji dengan terperinci di Malaysia, terutamanya dalam konteks nilai anggaran (harga), tahap ketulenan dan ketersediaan dadah. Hasil kajian yang dikongsikan dalam buku ini diharap dapat membantu memberikan pemahaman yang lebih jelas mengenai kesan pasaran gelap dadah terhadap kos sosial dan kos ekonomi masyarakat di Malaysia.

**Kata Kunci:** Pasaran gelap, penyalahgunaan dadah, kos sosial, rantai bekalan, sosio-ekonomi



# Pasaran Dadah

dari Perspektif  
Sosio-Ekonomi di Malaysia

ELAINE YEN NEE OON  
NORBANI CHE HA  
RUZITA JUSOH  
MOHD EDIL ABD SUKOR  
MUZALWANA ABDUL TALIB



Penerbit  
UTHM



# Pasaran Dadah

dari Perspektif  
Sosio-Ekonomi di Malaysia



# Pasaran Dadah

dari Perspektif  
Socio-Ekonomi di Malaysia

ELAINE YEN NEE OON  
NORBANI CHE HA  
RUZITA JUSOH  
MOHD EDIL ABD SUKOR  
MUZALWANA ABDUL TALIB

  
**Penerbit**  
**UTHM**  
2024

© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

**Penulis:** Elaine Yen Nee Onn, Norbani Che Ha, Ruzita Jusoh, Mohd Edil Abd Sukor, Muzalwana Abdul Talib

**ISBN:** 978-629-490-092-9

Diterbitkan oleh:

Penerbit UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
No. Tel: 07-453 8698 / 8529  
No. Faks: 07-453 6145

Dicetak oleh:

Percetakan Ilham Selatan  
No.10, Jalan Perdagangan 16,  
Taman Universiti, 81300 Skudai, Johor

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>

E-mel: [pemasaran.uthm@gmail.com](mailto:pemasaran.uthm@gmail.com)

<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-092-9

# KANDUNGAN

---

SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xiii
KATA ALU-ALUAN	xv
PRAKATA	xvii
PENGHARGAAN	xxi

## BAB 1 LATAR BELAKANG

1.1	Pengenalan	1
1.2	Kepentingan Memahami Pasaran Dadah dari Persepektif Sosio-Ekonomi	2
1.3	Latar Belakang Pengendalian Kajian	3
1.4	Aktiviti Pasaran Dadah	5
1.5	Jenis-Jenis Dadah	7
1.6	Akta Berkaitan Penyalahgunaan Dadah	10

## BAB 2 PROFIL SOSIO-DEMOGRAFI BEKAS PENAGIH DADAH DI MALAYSIA

2.1	Pengenalan	13
2.2	Ciri Sosio-Demografi Bekas Penagih Dadah di Malaysia (Klien PUSPEN)	14
2.2.1	Sosio-Demografi Bekas Penagih Dadah	14
2.2.2	Sosio-Demografi Keluarga Bekas Penagih Dadah	17
2.3	Corak Pengambilan Dadah oleh Bekas Penagih Dadah di Malaysia (Klien PUSEPEN)	20

2.4	Peranan Bekas Penagih Dadah di Malaysia (Klien PUSPEN) dalam Pasaran Dadah	22
2.5	Pengalaman Bekas Penagih Dadah di Malaysia (Klien PUSPEN) masuk ke PUSPEN/Penjara	24
2.6	Kesimpulan	25

### BAB 3 STRUKTUR RANTAIAN BEKALAN DADAH

3.1	Pengenalan	27
3.2	Sorotan Kajian Lepas	27
3.3	Sumber Bekalan Dadah dan Cara Dadah dibawa Masuk ke Malaysia	31
3.4	Aktiviti Pengedaran Dadah dan Perniagaan Dadah Tempatan	33
3.5	Struktur Rangkaian Bekalan Pasaran Dadah Tempatan	34
3.6	Carta Alir Bekalan dan Pasaran Dadah	34
3.6.1	Carta Utama: Penyeludupan Dadah daripada Sumber kepada Pengedar Dadah Runcit	34
3.6.2	Carta Kawasan: Bekalan Dadah Mengikut Kawasan - daripada <i>Buyer</i> kepada Pelanggan	38
3.6.3	Carta Pengeluaran Dadah Tempatan: dari <i>Lab</i> (Makmal), Tukang Masak kepada <i>Buyer</i>	40
3.7	Keuntungan daripada Pembelian, Penjualan, dan Kekerapan Penggunaan Dadah	42
3.7.1	Keuntungan daripada Pembelian dan Penjualan	43
3.7.1.1	Metamfetamin	43
3.7.1.2	Heroin	44
3.7.1.3	Ganja	44
3.7.2	Keuntungan berdasarkan Kekerapan Penggunaan	45

	3.7.2.1	Metamfetamin	45
	3.7.2.2	Heroin	46
	3.7.2.3	Ganja	47
3.8		Penggunaan <i>Dark Web</i> (Laman Gelap) dalam Pasaran Dadah di Malaysia	48
3.9		Kesimpulan	50

#### BAB 4 HARGA KETULENAN DAN KETERSEDIAAN DADAH

4.1		Pengenalan	53
4.2		Konsep dan Definisi	54
	4.2.1	Harga Dadah	54
	4.2.2	Ketulenan Dadah	55
	4.2.3	Ketersediaan Dadah	57
4.3		Sorotan Kajian Lepas	58
4.4		Harga dan Ketulenan Dadah	59
	4.4.1	Harga Belian dan Jualan	59
	4.4.2	Ketulenan Dadah	60
	4.4.3	Kaitan antara Ketulenan dan Harga Dadah	61
	4.4.3.1	Metamfetamin	61
	4.4.3.2	Heroin	63
	4.4.3.3	Ganja	63
4.5		Kaedah Menentukan Ketulenan Dadah	65
4.6		Ketersediaan Dadah	66
	4.6.1	Peluang Memperoleh Dadah	66
	4.6.2	Sumber Perolehan Dadah	68
4.7		Kesimpulan	68

#### BAB 5 KOS SOSIAL PENYALAHGUNAAN DADAH

5.1		Pengenalan	71
5.2		Kesan Ekonomi	71

5.3	Kesan Sosial	72
5.4	Konsep Penyakit ( <i>Cost-of-Illness</i> )	73
5.5	Kos Sosial Penyalahgunaan Dadah	75
5.5.1	Kos Nyata: Kos Langsung	76
5.5.1.1	Kos Penjagaan Kesihatan	76
5.5.1.2	Kos Undang-Undang	78
5.5.1.3	Kos Pencegahan	78
5.5.1.4	Kos Latihan dan Penyelidikan	79
5.5.1.5	Kos Kehilangan Cukai Pendapatan	79
5.5.2	Kos Nyata: Kos Tidak Langsung	79
5.5.3	Kos Tidak Nyata	80
5.6	Model Kos Sosial Penyalahgunaan Dadah	81
5.7	Kerugian dari Aspek Kehilangan Cukai Pendapatan	82
5.8	Kesimpulan	89

## BAB 6 RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1	Memahami Pasaran Gelap Dadah di Malaysia dari Perspektif Sosio-Ekonomi	91
6.2	Struktur Pasaran Gelap	92
6.2.1	Rangkaian Bekalan	92
6.2.2	Ketersediaan, Ketulenan dan Harga dalam Pasaran Dadah	93
6.3	Impak ke atas Sosial dan Ekonomi	93
6.4	Cadangan	96

RUJUKAN		101
---------	--	-----

# SENARAI JADUAL

---

Jadual 2.1	Sosio-Demografi Bekas Penagih Dadah (Sampel Klien PUSPEN) dari Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN)	16
Jadual 2.2	Sosio-Demografi Keluarga Bekas Penagih Dadah (Sampel Klien PUSPEN) dari Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN)	18
Jadual 2.3	Corak Pengambilan Dadah oleh Klien PUSPEN	21
Jadual 2.4	Peranan dalam Pasaran Dadah	23
Jadual 2.5	Bilangan Peranan dalam Pasaran Dadah	24
Jadual 2.6	Pengalaman ke PUSPEN/Penjara	25
Jadual 3.1	Keuntungan (RM) daripada Metamfetamin	44
Jadual 3.2	Keuntungan (RM) daripada Heroin	44
Jadual 3.3	Keuntungan (RM) daripada Ganja	45
Jadual 3.4	Keuntungan (RM) berdasarkan Kekerapan Penggunaan Metamfetamin	46
Jadual 3.5	Keuntungan (RM) berdasarkan Kekerapan Penggunaan Heroin	47
Jadual 3.6	Keuntungan (RM) berdasarkan Kekerapan Penggunaan Ganja	48
Jadual 3.7	<i>Dark Web</i> dan Sumber Bekalan Dadah	49
Jadual 4.1	Harga Belian dan Jualan berdasarkan Bentuk dan Berat Metamfetamin, Heroin dan Ganja	60
Jadual 4.2	Tahap Ketulenan berdasarkan Metamfetamin, Heroin dan Ganja	61
Jadual 4.3	Harga Belian dan Harga Jualan berdasarkan Ketulenan - Metamfetamin	62

Jadual 4.4	Harga Belian dan Harga Jualan berdasarkan Ketulenan - Heroin	63
Jadual 4.5	Harga Belian dan Harga Jualan berdasarkan Ketulenan - Ganja	64
Jadual 4.6	Sumber Dadah	68
Jadual 5.1	Pengiraan Kos Penyalahgunaan Dadah dan Aktiviti Berkaitan (Setahun)	85

# SENARAI RAJAH

---

Rajah 3.1	Carta Utama (Penyeludupan Dadah daripada Sumber kepada <i>Buyer</i> )	37
Rajah 3.2	Carta Kawasan (Bekalan Dadah Mengikut Kawasan – daripada <i>Buyer</i> kepada Pelanggan)	39
Rajah 3.3	Pengeluaran Dadah Tempatan dari <i>Lab</i> (Makmal), 'Tukang Masak' kepada <i>Buyer</i>	42
Rajah 4.1	Kaedah Menentukan Ketulenan Metamfetamin, Heroin dan Ganja	66
Rajah 4.2	Ketersediaan Metamfetamin, Heroin dan Ganja	67
Rajah 5.1	Kos Nyata Penyalahgunaan Dadah	76
Rajah 5.2	Model Kos Sosial Penyalahgunaan Dadah	82

# SENARAI SINGKATAN

---

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
ADB 1952	Akta Dadah Berbahaya 1952
ADF	<i>Australia Alcohol and Drug Foundation</i>
AIDS	Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit ( <i>Acquired Immune Deficiency Syndrome</i> )
AS	Amerika Syarikat
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara ( <i>Association of Southeast Asian Nations</i> )
ATS	Perangsang Amfetamin ( <i>Amphetamine Type Stimulant</i> )
Bil	Bilangan
COI	Kos Penyakit ( <i>Cost-of-Illness</i> )
COVID-19	Penyakit Koronavirus 2019 ( <i>Coronavirus Disease 2019</i> )
DDN	Dasar Dadah Negara
DRG	Kumpulan Berkaitan Diagnosis ( <i>Diagnosis-Related Group</i> )
EMCDDA	<i>European Monitoring Centre for Drugs and Drug Addiction</i>
FGD	Perbincangan Kumpulan Fokus ( <i>Focus Group Discussion</i> )
HIV	Virus Kurang Imun Manusia ( <i>Human Immunodeficiency Virus</i> )
JKDM	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
JSJN	Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik
Kastam	Jabatan Kastam Diraja Malaysia

NADI	Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan ( <i>National Drug Information System</i> )
NPS	Bahan Psikoaktif Baharu ( <i>New Psychoactive Substance</i> )
NPSCRSs	Bahan Rujukan Kimia Sumber Semula Jadi ( <i>Natural Products Sourcing Chemical Reference Substances</i> )
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PUSPEN	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik
TB	Batuk Kering ( <i>Tuberculosis</i> )
UNODC	<i>United Nations Office of Drugs and Crime</i>

# KATA ALU-ALUAN

---

Tahniah diucapkan kepada pasukan penyelidik di bawah kepimpinan Dr. Elaine Oon Yen Nee atas kejayaan mereka dalam menghasilkan buku ilmiah bertajuk “Pasaran Dadah dari Perspektif Sosio-Ekonomi di Malaysia”. Karya ini adalah hasil daripada kajian mendalam oleh lima penyelidik berdedikasi, yang dengan tekun mengumpul dan menganalisis data relevan daripada projek yang ditaja oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

Kajian yang menggunakan Geran Penyelidikan Ilmiah AADK bertujuan untuk menyelidik pasaran gelap dadah di negara kita, khususnya mengenai nilai anggaran harga, ketulenan dan tahap ketersediaan untuk tiga jenis dadah yang paling penting dan kerap digunakan di Malaysia iaitu, metamfetamin, heroin dan ganja. Harapan daripada kajian ini adalah untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai kos sosial yang timbul akibat pasaran gelap dadah.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaya dan pelbagai pihak berkuasa di Malaysia yang telah menyediakan dana, data statistik yang relevan, masa dan penglibatan mereka sebagai responden dalam pengumpulan data kajian.

Karya ini merupakan usaha yang penting dalam memerangi penyalahgunaan dadah dan aktiviti pasaran gelap dadah di Malaysia. Saya percaya bahawa buku ini akan menjadi sumber rujukan yang sangat berguna kepada pembuat dasar, pengamal perubatan, penyelidik,

pemegang taruh dan semua pihak yang terlibat dalam usaha menangani masalah dadah di negara kita.

Terima kasih.

***Khairul Anwar bin Bachok***  
***Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) AADK***

# PRAKATA

---

Buku ini adalah hasil daripada Geran Penyelidikan Ilmiah yang ditaja oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Tujuan utama buku ini adalah untuk memberi gambaran yang lebih jelas mengenai dimensi sosio-demografi, kompleksiti rangkaian bekalan dadah, harga, ketulenan dan ketersediaan dadah, serta kos sosial terhadap masyarakat yang dikaitkan dengan penyalahgunaan dan pasaran gelap dadah. Oleh itu, buku ini adalah titik permulaan perjalanan kami untuk menelusuri isu penting yang memberi kesan buruk terhadap sosio-ekonomi masyarakat di Malaysia sejak sekian lama.

Karya ilmiah ini dilahirkan atas keperluan untuk memahami dimensi tersembunyi mengenai pasaran dan penyalahgunaan dadah. Penghasilan buku ini adalah penting memandangkan topik pasaran gelap dadah masih belum dikaji dengan terperinci di Malaysia, terutamanya dalam konteks nilai anggaran (harga), tahap ketulenan dan ketersediaan dadah. Hasil kajian yang dikongsikan dalam buku ini diharap dapat membantu memberikan pemahaman yang lebih jelas mengenai kesan pasaran gelap dadah terhadap kos sosial dan kos ekonomi masyarakat di Malaysia.

## Skop dan Bab

Buku ini terdiri daripada enam bab yang membincangkan pelbagai aspek penting mengenai impak sosio-ekonomi pasaran dadah di Malaysia. Berikut adalah ringkasan bagi setiap bab:

**Bab 1: Latar Belakang** - Bab ini memberi penjelasan berkaitan tentang konteks kajian yang telah dijalankan. Bab 1 ini menerangkan kepentingan kajian, latar belakang asas mengenai dadah, pasaran dadah dan akta penyalahgunaan dadah di Malaysia. Semoga bab ini dapat memberi pemahaman terhadap bab-bab yang seterusnya.

## ***Bab 2: Profil Sosio-Demografi Bekas Penagih Dadah di Malaysia*** –

Bab ini meneroka profil sosio-demografi bekas penagih dadah serta memberikan pandangan yang lebih terperinci tentang pelbagai latar belakang masyarakat yang terjejas oleh penyalahgunaan dadah. Senario yang dibincangkan dalam bab ini diharapkan menjadi pengajaran tentang pengaruh penyalahgunaan dadah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak.

***Bab 3: Struktur Rantainya Bekalan Dadah*** – Bab ini memberi pendedahan mengenai struktur rantai perdagangan dadah serta membincangkan faktor yang mengekalkan 'ekonomi gelap' ini. Bab ini turut merungkai struktur rantai bekalan dadah dan membongkar rantai kompleks yang menyukarkan aktiviti perdagangan dadah ini dikesan.

***Bab 4: Harga, Ketulenan, dan Ketersediaan Dadah*** – Bab ini meneroka dimensi ekonomi pasaran dadah. Mengapa terdapat perbezaan dalam harga dadah yang dijual? Apa yang mempengaruhi tahap ketulenan dadah? Sejauh manakah dadah boleh diperolehi dalam pasaran gelap? Bab ini menghuraikan dengan lebih lanjut faktor yang mempengaruhi penyalahgunaan dadah termasuk harga, ketulenan serta ketersediaan dadah.

***Bab 5: Kos Sosial Penyalahgunaan Dadah*** – Bab ini membincangkan kos sosial yang boleh diukur dalam konteks kos lepas, iaitu kos yang perlu ditanggung untuk membiayai aktiviti pencegahan dan pemuliharaan yang menyebabkan sumber tersebut tidak lagi tersedia untuk kegunaan lebih produktif dalam kalangan masyarakat. Bab 5 ini mengalihkan tumpuan pembaca dengan menerangkan bagaimana kos sosial yang ditanggung oleh individu, keluarga dan komuniti boleh dikira berdasarkan kos penjagaan kesihatan, kos pencegahan, kos latihan dan penyelidikan, kos kehilangan cukai pendapatan, dan sebagainya. Kos sosial lain yang dibincangkan adalah seperti keretakan hubungan kekeluargaan dan kehilangan lain-lain potensi untuk membina kehidupan yang aman dan sejahtera.

***Bab 6: Rumusan dan Cadangan*** – Bab penutup ini merangkumkan kesimpulan daripada bab-bab terdahulu dan memberikan cadangan-cadangan yang boleh dilaksanakan dalam menangani masalah berkaitan jenayah daripada aktiviti berkaitan pasaran gelap dan penyalahgunaan dadah. Bab ini turut menekankan keperluan campur tangan pelbagai

pihak dalam menangani dan mengurangkan penyalahgunaan dadah di Malaysia.

Semoga enam bab yang dimuatkan dapat membimbing para pembaca untuk lebih memahami impak ke atas kos sosio-ekonomi akibat pasaran gelap dadah. Buku ini berfungsi sebagai sumber berharga kepada ahli akademik, penggubal dasar dan industri profesional yang terlibat dalam perbincangan berterusan mengenai penyalahgunaan dan pasaran dadah. Di samping itu, buku ini juga dapat memberikan perspektif holistik tentang punca berlakunya masalah ini serta mencadangkan beberapa strategi pencegahan dan intervensi, menyumbang dalam penambahbaikan dan membangunkan polisi baharu berkaitan dalam konteks Malaysia. Semoga karya ini juga memberikan sumbangan positif kepada masyarakat dan menjadi landasan dalam meneroka ilmu yang lebih mendalam untuk memerangi penyalahgunaan dadah.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak AADK di atas sokongan mereka dalam memberikan dana kajian ilmiah ini kepada kami. Selain itu, sokongan daripada pihak Universiti Malaya dalam membiayai penerbitan buku ini juga amat dihargai. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pelbagai pihak berkuasa kerajaan Malaysia yang telah bekerjasama dalam menjayakan penulisan buku ini seperti berkongsi data statistik serta mengambil bahagian dalam temu bual sebagai sumber data untuk penyelidikan kami. Pandangan mereka telah memperkayakan hasil kajian kami.

Semasa anda membaca buku ini, kami menjemput anda untuk berfikir secara kritis, berempati dengan mendalam, dan memperjuangkan perubahan dalam membentaras jenayah dadah. Bersama-sama kita berusaha dengan gigih untuk membina masyarakat Malaysia yang lebih sihat dan selamat.

Penulis dan para penyelidik,

*Elaine Yen Nee Oon, Norbani Che Ha, Ruzita Jusoh, Mohd Edil Abd Sukor dan Muzalwana Abdul Talib.*

*Universiti Malaya, Kuala Lumpur.*

*September 2024.*

# PENGHARGAAN

---

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Kementerian Dalam Negeri kerana membiayai penyelidikan (Geran Penyelidikan Ilmiah AADK(S)900-7/86) yang telah dijalankan dan Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya (Geran Buku Khas Fakulti UMG013I-2023) untuk bantuan kewangan bagi menjayakan penerbitan buku ini. Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada pegawai-pegawai pihak berkuasa daripada kerajaan Malaysia kerana memberikan masa untuk melaksanakan temu bual bagi kutipan data dan memberikan data statistik yang diperlukan untuk menghasilkan buku ini.

Seterusnya, sekalung penghargaan juga diberikan kepada Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan AADK (Encik Othman bin Mohamed Nazari), mantan Ketua Penolong Pengarah (Cawangan Penyelidikan), Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan AADK (Puan Hafidah binti Mohd @ Maasom), Penolong Pengarah (Cawangan Penyelidikan), Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan AADK (Encik Muhammad Asraf bin Ahmad) dan mantan Ketua Penolong Pengarah (Cawangan Rawatan Perubatan), Bahagian Rawatan, Perubatan dan Pemulihan AADK (Dr. Ravi a/l Ramadah) serta pegawai-pegawai Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) di Malaysia kerana memberikan kerjasama dalam proses pengumpulan data primer.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Yew Sin Kai, Encik Muhammad Hakimi bin Yusri dan Encik Saad bin Mohd Said kerana membantu menjayakan penerbitan buku ini sebagai Pembantu Penyelidik.

# BAB 1

## LATAR BELAKANG

### 1.1 Pengenalan

Kajian mengenai struktur pasaran dadah adalah amat penting kerana dapat memberi maklumat terhadap implikasi kos ekonomi dan sosial daripada aktiviti perniagaan dadah. Sehingga kini, struktur pasaran dadah di Malaysia adalah tidak jelas memandangkan tiada kajian empirikal dijalankan bagi mengenal pasti struktur pasaran dadah di negara ini. Sekiranya kos ekonomi dan sosial daripada aktiviti perniagaan dadah dapat dikurangkan, kehilangan sumber ekonomi negara akan dapat diminimumkan dan seterusnya dapat digunakan bagi tujuan pembangunan negara.

Buku ini adalah hasil kajian yang dijalankan bersama pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan akan memberikan gambaran yang lebih jelas terhadap struktur pasaran dadah di negara dari segi faktor ekonomi dan sosial seperti demografi pengguna dadah, struktur rangkaian bekalan dadah, nilai anggaran harga dadah, ketulenan dan tahap ketersediaan serta keuntungan yang dinikmati oleh pengedar atau penyeludup dadah. Maklumat ini sudah pasti dapat digunakan oleh pihak kerajaan bagi menangani isu berkaitan penyalahgunaan dadah di negara ini dengan melakukan penambahbaikan terhadap dasar penguatkuasaan terhadap aktiviti perniagaan dadah dengan lebih efektif.

Sebagai permulaan, bab ini akan membincangkan perkara seperti kepentingan kajian, aktiviti pasaran dadah, reka bentuk kajian, jenis-jenis dadah dan akta penyalahgunaan dadah. Semoga bab ini dapat memberi gambaran asas kepada bab-bab seterusnya.

Bab 2 ialah mengenai demografi, Bab 3 ialah mengenai struktur rangkaian bekalan dadah, Bab 4 ialah mengenai harga, ketulenan dan ketersediaan

# BAB 2

## PROFIL SOSIO-DEMOGRAFI BEKAS PENAGIH DADAH DI MALAYSIA

### 2.1 Pengenalan

Bab kedua ini membincangkan serta memberi gambaran mengenai profil sosio-demografi bekas penagih dadah di Malaysia. Dapatan dalam bab ini adalah hasil daripada kaji selidik yang dibuat ke atas 2,011 bekas penagih dadah (klien) yang juga klien PUSPEN daripada Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) terpilih di Semenanjung Malaysia. Selain itu, bab ini turut membincangkan corak pengambilan, peranan yang dimainkan dalam pasaran dadah beserta kekerapan mereka ditempatkan di PUSPEN atau penjara.

Bagi membanteras segala bentuk aktiviti penyalahgunaan dadah adalah sangat penting untuk memahami profil demografi mereka yang terlibat dengannya. Hal ini dikatakan demikian kerana dapat membantu pihak berkuasa mengenal pasti latar belakang sosioekonomi dan persekitaran hidup golongan yang terlibat. Melalui pemahaman ini, kumpulan masyarakat yang lebih berisiko kepada penyalahgunaan dadah dapat dikenal pasti. Pendedahan awal kepada risiko penyalahgunaan dadah mampu meminimumkan kesan buruknya.

Selain itu, profil atau sosio-demografi bekas penagih dadah juga dilihat penting dalam merangka strategi pencegahan yang lebih berkesan. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap kumpulan masyarakat mempunyai masalah, keperluan serta cabaran yang berbeza dalam konteks penyalahgunaan dadah. Berdasarkan profil mereka, program pencegahan dan intervensi penyalahgunaan dadah dapat disasarkan kepada golongan yang lebih tepat melalui pendekatan yang sesuai supaya program tersebut mampu memberi kesan yang maksimum dalam mengurangkan kadar penyalahgunaan dadah.

# BAB 3

## STRUKTUR RANTAIAN BEKALAN DADAH

### 3.1 Pengenalan

Bab ini memberi gambaran keseluruhan struktur rantai bekalan dadah daripada pembekal dan penjual hingga ke tangan pembeli dan penagih dadah. Justeru, anggaran keuntungan atau hasil yang dapat dijana melalui setiap peringkat rantai pasaran dadah akan dikemukakan.

Penerangan bab ini bermula daripada latar belakang cara dadah dibawa masuk atau diseludup ke Malaysia hingga ke rantai pemasaran dadah tempatan, daripada penjual hingga ke pembeli atau penagih dadah. Carta alir pasaran dadah akan dibincangkan dengan terperinci untuk memahami rangkaian bekalan dadah dan peluang untuk menjana keuntungan pada setiap peringkat rangkaian bekalan dadah di Malaysia.

Seterusnya, bab ini akan mengemukakan anggaran keuntungan yang dapat dijana oleh setiap pelaku atau pemain dalam rantai perniagaan dadah yang besar dan rumit ini. Anggaran keuntungan/hasil pada setiap peringkat rangkaian perniagaan dadah adalah berdasarkan jenis dadah dan beratnya, serta kawasan di mana dadah tersebut dipasarkan. Di samping itu, penggunaan *Dark Web* dalam pasaran dadah di Malaysia juga akan dibincangkan.

### 3.2 Sorotan Kajian Lepas

Bagi pengenalan kepada bab ini, rumusan kajian lepas dan statistik terkini akan dibincangkan.

Menurut laporan terkini Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC), pengedaran dadah sintetik terus berkembang di Asia Timur dan Asia Tenggara dengan pengeluaran dan dagangan mencapai rekod tertinggi pada tahun 2021 (UNODC, 2022a).

# BAB 4

## HARGA, KETULENAN DAN KETERSEDIAAN DADAH

### 4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan konsep dan definisi tiga petunjuk utama pasaran dadah terlarang, iaitu harga, ketulenan dan ketersediaan dadah. Beberapa dapatan kajian lepas juga dibincangkan. Seterusnya, dapatan daripada kajian soal selidik ke atas 2,011 pengguna dadah terlarang mengenai persepsi mereka terhadap harga, ketulenan, dan ketersediaan tiga dadah utama iaitu Metamfetamin, Heroin, dan Ganja dibentangkan.

Dadah terlarang dihasilkan dan diedarkan melalui pasaran, jadi wajar untuk meneliti penunjuk pasaran sama ada dari aspek bekalan dan permintaan dadah. Data mengenai harga, ketulenan dan ketersediaan dadah terlarang adalah rumit dan memerlukan kajian yang terperinci dan berterusan. Di samping itu, maklumat harga, ketulenan dan ketersediaan dadah terlarang berkait rapat dengan banyak petunjuk berkaitan dadah.

Harga dadah pada keseluruhannya adalah mahal kerana dijual dalam pasaran yang kompetitif yang ditentukan oleh permintaan dan penawaran. Harga dadah di pasaran juga tidak dikawal oleh undang-undang dan tiada institusi yang menentukan kualiti standard dan memastikan wujudnya persaingan yang adil dalam pasaran. Justeru, harga dadah ditetapkan mengikut kehendak pembekal sendiri, iaitu harga didapati semakin meningkat pada setiap peringkat dalam rantai pengedaran dadah. Peningkatan harga ini adalah selaras dengan risiko yang bakal ditanggung sekiranya tertangkap atau mengalami kecederaan dan harga yang mahal juga merupakan pembayaran kos perlindungan yang terpaksa dibayar untuk mengelak daripada ditangkap oleh pihak berkuasa.

# BAB 5

## KOS SOSIAL PENYALAHGUNAAN DADAH

### 5.1 Pengenalan

Bab ini bermula dengan menyentuh impak penyalahgunaan dadah dan aktiviti pasaran dadah haram ke atas ekonomi dari aspek corak penggunaan sumber kewangan negara. Seterusnya, bab ini memperkenalkan konsep sosial yang lebih bersesuaian dalam membincangkan kesan penyalahgunaan dadah. Perbincangan ini menetengahkan satu model untuk menganggarkan kos atau kerugian yang berpunca daripada penyalahgunaan dadah dalam konteks Malaysia. Model ini menggunakan pendekatan kos penyakit (*cost-of-illness* – COI) yang menekankan perspektif kos sosial. Kos ini yang merangkumi anggaran kos luaran terutamanya kos yang ditanggung oleh individu yang tidak terlibat dengan penggunaan dadah tetapi lebih tertumpu kepada masyarakat secara keseluruhannya. Konsep sosial merujuk kepada kerugian sumber kerana tidak lagi tersedia untuk kegunaan lain dalam kalangan masyarakat. Pada masa yang sama, kos persendirian (individu atau kumpulan terbabit dalam penyalahgunaan dadah) biasanya telah diimbangi faedah peribadi yang diperoleh secara terus daripada penyalahgunaan dadah itu lantas dianggap sifar atau hampir tiada kos dan tidak dimasukkan dalam anggaran kos penyalahgunaan dadah. Secara umum, kajian ini mengklasifikasikan kos nyata kepada kos langsung dan kos tidak langsung; terdapat juga kos tak nyata.

### 5.2 Kesan Ekonomi

Bagi menilai kesan ekonomi penyalahgunaan dadah adalah penting untuk mengambil kira impak penyalahgunaan dadah dan aktiviti pasaran dadah haram ke atas corak penggunaan sumber kewangan negara. Hal ini termasuk bagaimana sumber kewangan yang terhad perlu digunakan terutamanya oleh pihak kerajaan dalam menanggung

# BAB 6

## RUMUSAN DAN CADANGAN

### 6.1 Memahami Pasaran Gelap Dadah di Malaysia dari Perspektif Sosio-Ekonomi

Buku ini membincangkan pasaran dadah di Malaysia dari aspek sosio-ekonomi dengan mendalami kesan pasaran gelap dadah terhadap masyarakat dan ekonomi di negara ini. Secara umumnya, segala aktiviti yang membabitkan pasaran gelap dadah sering menjurus kepada tingkah laku negatif dan perlakuan jenayah yang seterusnya membawa kepada masalah sosial, ekonomi dan kesihatan awam yang serius. Keadaan ini merupakan masalah yang berlaku secara berleluasa dalam negara dan juga pada peringkat global seperti tiada kesudahannya.

Pasaran dadah juga seperti perniagaan lain yang membabitkan pelbagai aktiviti bermula daripada pembuatan, pemprosesan, pengeluaran, pengedaran dan penjualan. Seterusnya, pasaran dadah ini melibatkan pengangkutan untuk memindahkan barangan dadah dari pusat pengeluaran ke pusat pengedaran yang merentasi sempadan negeri dan antarabangsa. Walau bagaimanapun, industri pasaran gelap dadah haram tidak berpusat malah berpecah-belah dengan aktiviti berbeza skala dan tahap kerumitannya. Pasaran gelap yang banyak bergantung kepada wujudnya permintaan dan penawaran ini bukan sahaja untuk memenuhi permintaan penagih dadah tetapi juga didorong oleh peluang untuk mendapat keuntungan yang besar serta lumayan kepada pembekal dan juga pengedar dadah. Sebagai kesimpulan, bab ini cuba memperjelas struktur pasaran dadah di Malaysia dan impaknya dari perspektif sosio-ekonomi dan memberikan beberapa cadangan selaras dengan dapatan dan hasil kajian yang diperoleh.

# RUJUKAN

---

- Aldridge, J., & Décary-Hétu, D. (2014). Not an 'Ebay for drugs': The crypto markets 'Silk Road' as a paradigm shifting criminal innovation. *SSRN 2436643*.
- Ali, J., Abu Bakar, A. S., Arzemi, A., Ishak, N. A., & Hashim, M. N. (2021). *Kos ekonomi penagihan dadah di Malaysia*. Universiti Utara Malaysia/AADK.
- Avery, D. (31 Mei 2023). Where is marijuana legal? Cannabis laws in every state. *CNET*. Diperoleh daripada <https://www.cnet.com/news/politics/marijuana-laws-by-state-where-is-weed-legal/>
- Bancroft, A., & Reid, P. S. (2016). Concepts of illicit drug quality among darknet market users: Purity, embodied experience, craft and chemical knowledge. *International Journal of Drug Policy, 35*, 42-49.
- Barratt, M. J., Bruno, R., Ezard, N., & Ritter, A. (2018). Pill testing or drug checking in Australia: Acceptability of service design features. *Drug and Alcohol Review, 37*(2), 226-236.
- Basu, G. (2013). The role of transnational smuggling operations in illicit supply chains. *Journal of Transportation Security, 6*, 315-328.
- Beckenbach, F. (1989). Social costs in modern capitalism. *Capitalism Nature Socialism, 1*(3), 72-91.
- Beckert, J. (2011). Where do prices come from? Sociological approaches to price formation. *Socio-Economic Review, 9*(4), 757-786.
- Benson, J. S., & Decker, S. H. (2010). The organizational structure of international drug smuggling. *Journal of Criminal Justice, 38*(2), 130-138.

- Berita Harian. (12 Mei 2023). Seludup dadah RM789.56 juta ke Brisbane: Kastam sudah hantar laporan kepada PM. *Berita Harian*. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1100351/seludup-dadah-rm78956-juta-ke-brisbane-kastam-sudah-hantar-laporan-kepada>
- Best, D., Beswick, T., Gossop, M., Rees, S., Coomber, R., Witton, J., & Strang, J. (2004). From the deal to the needle: Drug purchasing and preparation among heroin users in drug treatment in South London. *Addiction Research & Theory*, *12*(6), 539-548.
- Bichler, G., Malm, A., & Cooper, T. (2017). Drug supply networks: A systematic review of the organizational structure of illicit drug trade. *Crime Science*, *6*(2).
- Boston University. (n.d.). Alcohol and drugs: Laws and policies. Boston University. <https://www.bu.edu/safety/alcohol-drugs/laws/>
- Caulkins, J. P. (2007). Price and purity analysis for illicit drug: Data and conceptual issues. *Drug and Alcohol Dependence*, *90*, S61-S68.
- Caulkins, J. P., Disley, E., Tzvetkova, M., Pardal, M., Shah, H., & Zhang, X. (2016). Modeling the structure and operation of drug supply chains: The case of cocaine and heroin in Italy and Slovenia. *International Journal of Drug Policy*, *31*, 64-73.
- Caulkins, J. P., & Reuter, P. (2010). How drug enforcement affects drug prices. *Crime and Justice*, *39*(1), 213-271.
- CDC. (n.d.-a). *Commonly used terms*. Centers for Disease Control and Prevention. Diperoleh daripada <https://www.cdc.gov/opioids/basics/terms.html>
- CDC. (n.d.-b). *Fentanyl*. Centers for Disease Control and Prevention. Diperoleh daripada <https://www.cdc.gov/opioids/basics/fentanyl.html>
- CDC. (n.d.-c). *Heroin*. Centers for Disease Control and Prevention. Diperoleh daripada <https://www.cdc.gov/opioids/basics/heroin.html>
- Collins, D., & Lapsley, H. M. (2008). *The costs of tobacco, alcohol and*

# Pasaran Dadah

## dari Perspektif Sosio-Ekonomi di Malaysia

Buku ini adalah hasil daripada penyelidikan yang ditaja oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Tujuan utama buku ini adalah untuk memberi gambaran yang lebih jelas mengenai dimensi sosio-demografi; kompleksiti rantaian bekalan dadah; harga, ketulenan dan ketersediaan dadah; serta kos sosial terhadap masyarakat yang dikaitkan dengan penyalahgunaan dan pasaran gelap dadah. Oleh itu, buku ini adalah titik permulaan untuk menelusuri isu penting yang memberi kesan buruk terhadap sosio-ekonomi masyarakat di Malaysia sejak sekian lama.

Karya ilmiah ini dilahirkan atas keperluan untuk memahami dimensi tersembunyi mengenai pasaran dan penyalahgunaan dadah. Penghasilan buku ini adalah penting memandangkan topik pasaran gelap dadah masih belum dikaji dengan terperinci di Malaysia, terutamanya dalam konteks nilai anggaran (harga), tahap ketulenan dan ketersediaan dadah. Hasil kajian yang dikongsikan dalam buku ini diharap dapat membantu memberikan pemahaman yang lebih jelas mengenai kesan pasaran gelap dadah terhadap kos sosial dan kos ekonomi masyarakat di Malaysia.



ISEN 978-629-490-092-9



9 786294 900929

Sila imbas kod untuk  
maklumat lanjut

